

27/10/1997

Membersih mata wang daripada politik

Dr Hakimi Ibrahim

APABILA Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempertikaikan 'liberal democracy' Barat, hampir tiada reaksi terhadapnya. Subjek itu menjadi isu akademik saja dan memang berlambak-lambak tesis dan kertas kerja mengenai perkara itu. Lagipun selepas tumbangannya Russia, tiada siapa lagi yang berminat dengan dialektik demokrasi/komunis. Isu ini sudah basi. Masing-masing menunggu sistem demokrasi Amerika pula tumbang. Sistem itu sudah semakin tidak bererti.

Sentuh saja masalah mata wang dijual-beli, lantas seluruh dunia ingin menutup mulut Perdana Menteri. Sahlah sekarang yang Dr Mahathir berjaya mendedahkan status politik yang ada pada mata wang! Politik kenegaraan di seluruh dunia sudah hampir menjadi satu mainan wayang kulit sementara sistem kewangan begitu berperanan mendalangi politik negara. Negarawan mana-mana negara sama ada dipilih atau pun tidak dipilih rakyat boleh dipermainkan dan disuruh menyembah dan bertuankan elit kewangan yang langsung tidak bernegara tetapi boleh merajai semua negara.

Semua nation-states seolah-olah sudah menjadi ejen kewangan dan jangan sekali-kali cuba berdikari atas label sendiri walaupun atas landasan yang mereka beri. Lihat saja Algeria dan Turki. Sementara itu orang Afghanistan terus memancung kepala sesama sendiri.

Kita cuma ingin tahu hakikat mata wang. Kenapa mata wang boleh dijual beli. Rupa-rupanya dalam bertanyakan perkara yang seakan-akan hal mudah kita sudah tersentuh 'kepala raja riba'. Tentu sekali mereka marah kerana kita tiba-tiba tahu bagaimana cara mereka mengemudikan hal duniawi dan 'makan percuma'. Rupa-rupanya mata wanglah kunci pintu khazanah mereka. Mata wang kita boleh berlari ke sana-sini tanpa menghirau sempadan negeri sambil menjadi ufti. Raja riba seperti George Soros dan rakan serta handai taulannya di dalam Tabung Matawang Antarabangsa (IMF), Bank Dunia dan lain-lain anak syarikatnya sudah terlondoh kain mereka. Terima kasih kepada Dr Mahathir kerana mendedahkan hal mereka.

Cerita ini semakin kompleks kerana sekarang sudah masuk babak sembah-menyembah dan hal 'tuan-menuan'. Mereka sudah menghentam Ezra Pound hanya kerana beliau cuba bermadah mengenai mata wang dan sifat ribanya dalam Cantos-Usura Contra Naturam atau riba itu bertentangan dengan fitrah. Katanya lagi: "Metal is durable but it does not reproduce itself." Yang penting di sini ialah mata wang berunsurkan logam (emas dan perak) tidak boleh beranak-pinak iaitu tidak boleh dibungakan sewenang-wenangnya. Hanya bermadah mengenai riba terus dikira antisemitik, dipenjara, diseksa dan dituduhnya gila. Dr Erbakan pun disisihkan hanya kerana projek Islamic currency (lihat Electronic Telegraph 16/6/97 dalam www.telegraph.co.uk)

Mereka menyuruh seluruh rakyat Jerman sehingga ke cucu-cicitnya dan yang belum lahir lagi pun, minta ampun kerana cuba menepis mereka dari singgahsana sistem kewangan. Paderi pun tidak terlepas. Minta ampun jugalah paderi kerana dikatakan cuba bersekongkol dengan pihak Jerman (Lihat Internet- 'Bishops repent failing the Jews' - in the Electronic Telegraph 1/10/97, issue 860- www.telegraph.co.uk). Tetapi mereka bukan jenis pengampun. Malam mendatang mesti ada lagi cerita bertema 'holocaust' yang dipaksa siarkan untuk mengingatkan kita hal ceti ini. Tetapi hal orang Palestin yang terseksa sekarang tidak dipedulikannya. Kali ini baik kita tonton filemnya lagi jika boleh cam datuk penyangak dalam babak yang ada gambar gas chamber. Kita akan tunggu orang Muslim Jerman pula turut mara ke depan dalam perjuangan ini dan membebaskan manusia daripada

cengkaman penguasa riba ini.

Hakikat riba pada mata wang agak sukar difahami tetapi kesannya sebagaimana yang di perihalkan oleh Dr M sangat jelas. Sekurang-kurangnya faham juga bahawa wang memang haram dijual-beli dan memang ini hal riba yang nyata. Kita perlu mencari kaedah yang membolehkan sistem kewangan Islam membendung manipulasi, spekulasi dan inflasi. Mata wang itu sendiri perlu bersifat Islamik, yakni suatu mata wang yang sejati dan tidak boleh dijual-beli apatah lagi 'beranak-pinak'. Kertas wang tak habis dijual-beli, melepasi sempadan negara, tambahan lagi dalam zaman sains dan teknologi.

Sekarang kita perlu melakukan 'parallel processing' seperti yang disyorkan oleh Umar Vadillo (lihat-The Return of The Gold Dinar): Pertama, beransur-ansur dan secara sistematik menjauhkan diri daripada sistem kewangan yang sedia ada yang rata-rata sudah nampak mula goyah dan hampir tumbang. Kedua kembali kepada mata wang sejati dan mulakan rangkaian perniagaan sesama sendiri dan elakkan monopoli.

Orang kaya ialah petani, pesawah, peladang yang masih mempunyai tanah dan bendang, bukan yang kaya saham hutang. Bank mereka ialah jelapang padi! Sebenarnya mereka sudah kaya dari dulu lagi tetapi mereka alpa. Dalam keadaan ini kita juga boleh lebihkan 'barter trading' supaya dapat lari daripada perniagaan mata wang. (Syabas dalam hal ini untuk Datuk Seri Shahidan Kassim kerana hendak memulakannya di Perlis.)

Kita perlu melihat dialektik dan putar-belit urus niaga sekarang di samping mendalami kaedah tradisi seperti di dalam kitab al-Muwatta. Al-Muwatta merupakan suatu 'blueprint' kaedah berurusan di dalam segala hal termasuk urus niaga oleh masyarakat Islam pertama di Madinah al-Munawwarah. Satu rekod kecemerlangan berurusan tanpa tolok banding lagi. Imam Syafii telah mendalaminya dan Nik Abdullah, cucu Tuan Tabal mengutamakan (Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan-Nik Abdul Aziz Nik Hassan).

Ketika Nabi Noh membuat kapal semuanya ketawa malah apabila air bah sudah sampai ke batang hidung pun mereka masih tidak percaya. Janganlah diharap kalau kita 'mengaji' ilmu ekonomi semasa, kita akan diberi jawapan hal manipulasi, spekulasi dan inflasi. Pakar sistem kewangan sedunia tenggelam punca dalam lautan riba. Sekarang bukan masa untuk berteori! Tetapi bolehkah menyelesaikan hal spekulasi ini? Milton Friedman pun sudah ambil jalan mudah seolah-olah berkata pergi jahanam dengan IMF dan Bank Dunia! (lihat NST 19/9/97). Begitulah kata-kata hikmat seorang pemenang hadiah Nobel ekonomi dari Amerika!

Bagaimanapun pakar riba ada juga di bank, pasar saham dan lain-lain institusi kewangan. Biar mereka cerita pada ulama dan fuqaha apa terjadi terutama mata wang yang boleh dijual beli dan bersamalah kita dengan Dr Mahathir mengemudi bahtera Malaysia dan Nusantara keluar dari perairan yang bergelombang ini.

Walau apa pun baik juga kemelut ini. Ketika Russia kelim kabut barulah kita tahu ada lagi negeri 'tan-tan' selain dari Hindustan. Apabila the rouble got into trouble negeri dengan senangnya terbebas daripada cengkaman bekas kerajaan Tzar itu. Harap Soros akan bermain dengan dolar Amerika dan membebaskan orang Muslim Amerika pula.

Dalam hal riba kita jangan jemu mengingat kembali perisytiharan perang terhadap pengamal riba oleh Allah dan Rasul-Nya yang termaktub dalam Surah al-Baqarah ayat 279. Langkah perang riba yang dimulakan oleh Dr Erbakan melalui projek Islamic currency-Dinar Emas dan kini diteruskan oleh Dr Mahathir dengan menggesa pengharaman perdagangan mata wang mestilah disokong dan dijelaskan. Keseluruhan sistem kewangan dan mekanisme pasaran riba mestilah dikenal pasti kerana Dar al-Harb atau daerah perang riba ialah di mana jua riba berleluasa dan dajal mata wang

bermaharajalela.

(END)